



Banjir kilat di Kampung Sungai Serai, Kuang.



Keadaan banjir kilat di Jalan Rawang-Kundang memabihkan kenderaan yang terkandas di atas jalan raya.



Keadaan banjir di Taman Tun Perak, Rawang.



Di Kuang, bomba terpaksa memindahkan seramai 69 orang dari lapan keluarga di Kampung Sungai Serai, yang terperangkap kerana rumah mereka dinaiki air dan dipindahkan ke Dewan JKK Sungai Serai”

Mohd Sani Harul,
Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor

Penangan hujan lebat dua jam

➔ Beberapa kawasan di Rawang, Sungai Buloh dinaiki air sehingga 0.5 meter

Oleh Nur Afradina Arshad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Hujan lebat lebih dua jam semalam menyebabkan beberapa kawasan di Rawang dan Sungai Buloh, dekat sini, dilanda banjir kilat, berpunca daripada limpahan air dari beberapa sungai di sekitar kawasan berkenaan.

Keadaan itu menyebabkan beberapa kawasan perumahan serta jalan utama dinaiki air yang turut mengakibatkan kesesakan jalan raya selain banyak kenderaan tersekat kerana tidak dapat mengharung air yang melimpah,

Hujan lebat yang bermula kira-kira jam 11 pagi itu hanya reda sekitar jam 1 tengah hari.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata pihaknya menerima laporan banjir di Jalan Rawang -Kundang; Jalan B27 yang terletak antara Jusco Rawang ke Persimpangan Country Homes; Taman Tun Perak di Rawang; Pekan Batu Arang serta di Kuang.

“Di Jalan B27, Rawang, paras air naik sehingga 0.5 meter dipercayai kerana jajaran sungai sementara yang dibina sudah ditutup bagi memberi laluan untuk pembinaan jambatan baru yang mengakibatkan air sungai berkenaan tidak mengalir dengan sempurna.

“Sementara itu, di Kuang, bomba terpaksa memindahkan seramai 69 orang dari lapan keluarga di Kampung Sungai Serai, yang terperangkap kerana rumah mereka dinaiki air dan dipindahkan ke Dewan JKK Sungai Serai,” katanya.

Kereta ditenggelami air

Banjir di kampung itu juga menyebabkan beberapa kereta milik penduduk ditenggelami air, katanya.

Katanya lagi, keadaan banjir di Pekan Batu Arang pula disebabkan oleh hujan lebat di kawasan berkenaan yang menyebabkan air anak sungai Air Hitam dinaiki sehingga dua meter dari paras semasa 0.1 meter hingga 0.3 meter.

Tiga unit gerai makan di kawasan berkenaan ditenggelami air, katanya.

“Hasil siasatan awal dipercayai banjir ini terjadi kesan daripada anak sungai yang tidak sempurna serta tersumbat di sekitar kawasan Pejabat Pos di pekan berkenaan yang menghalang aliran air bergerak dengan sempurna.

“Selain itu, tiada laluan bagi air sungai berkenaan mengalir menyebabkan paras air naik dengan mendadak,” katanya.

Mohd Sani berkata, di Taman Tun Perak pula, sebanyak 65 rumah dinaiki air dengan paras ketinggian 0.3 meter berpunca daripada Sungai Pajam yang dipenuhi air dan melimpah ke kawasan perumahan itu.